

MRSM Kepala Batas dinamakan MRSM Tun Abdullah Badawi

Kenang jasa, pengorbanan bekas Perdana Menteri kelima

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kepala Batas akan dinamakan menjadi MRSM Tun Abdullah Badawi.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata ia bagi mengenang jasa Perdana Menteri kelima itu.

"Sebagai mengenang jasa Almarhum Pak Lah, saya akan mendapatkan persetujuan Menteri (Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi) untuk menamakan MRSM Kepala Batas kepada MRSM Tun Abdullah Badawi," katanya di Facebook semalam.

Cadangan itu turut mendapat pujian serta sokongan pengguna Facebook, antara lain menyifatkan Allahyarham Pak Lah banyak berjasa di kawasan itu.

Allahyarham Abdullah pernah menjadi Ahli Parlimen Kepala Batas dari 1978 hingga 2008.

Di **Georgetown**, **BERNAMA** melaporkan kerajaan Pulau Pinang bersetuju menamakan Lebuh Raya Bandar Cassia sebagai Jalan Tun Abdullah Ahmad Badawi serta mengibarkan bendera negeri separuh tiang Jumaat ini.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata perkara itu amat signifikan untuk menghargai jasa dan bakti Allahyarham yang membawa pembangunan ke negeri berkenaan sepanjang khidmatnya sebagai Perdana Menteri



MRSM Kepala Batas akan dinamakan menjadi MRSM Tun Abdullah Badawi.

dari 2003 hingga 2009.

"Memegang gelaran sebagai bandar masa depan Pulau Pinang, Allahyarham Tun Abdullah menamakan Bandar Cassia pada 24 Ogos 2004 dan memperoleh kelulusan daripada Majlis Perartcang Fizikal Negara

(MPFN) melalui Pelan Induk Bandar Cassia pada 26 Oktober 2004.

"Kerajaan negeri ingin terus mengekalkan legasi Allahyarham Tun Abdullah dengan menamakan semula Lebuh Raya Bandar Cassia kepada Jalan Tun

Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Pada masa sama, Kon Yeow berkata pengibaran bendera negeri separuh tiang dilaksanakan membabitkan semua premis ke-

Keluarga Allahyarham Tun Abdullah rakam penghargaan

Kuala Lumpur: Keluarga Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi merakamkan penghargaan kepada kerajaan atas penghormatan istiadat pengubumian kelmarin.

Perkara itu dikongsi menantu Allahyarham, Khairy Jamaluddin, dalam catatan balas kepada muat naik entri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Instagram.

"Penghargaan kepada Datuk Seri (Anwar) dan kerajaan kerana memberi penghormatan kepada Pak Lah (Allahyarham Abdullah) dengan mengizin-

kan satu istiadat pengubumian yang istimewa.

"Juga atas kebenaran untuk jenazahnya disemadikan di Makam Pahlawan bersama negarawan-negarawan yang lain," katanya.

Khairy yang juga bekas Menteri Kesihatan, turut mengucapkan terima kasih kepada Anwar atas nukilan ikhlas yang ditulis bagi mengingati Abdullah selaku sahabat lamanya.

"Kami sekeluarga amat tersentuh dengan kemuliaan kata Datuk Seri terhadap ayahanda Pak Lah," katanya.

rajaan dan pihak berkuasa tempatan di seluruh negeri, malah pemilik premis bukan kerajaan juga digalakkan berbuat demikian sebagai tanda penghormatan kepada Abdullah.

"Pemergian Tun Abdullah suatu kehilangan besar kepada negara terutamanya Pulau Pinang. Semoga semua jasa dan bakti yang telah dicurahkan beliau dalam membangunkan negara serta negeri ini akan sentiasa tersemat dalam sanubari seluruh rakyat Malaysia dan juga Pulau Pinang," katanya.

Hadiah terbesar Allahyarham

Kon Yeow berkata, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau Jambatan Kedua Pulau Pinang ialah 'hadiah' terbesar Abdullah kepada penduduk Pulau Mutiara apabila beliau mengumumkan projek itu dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) di Parlimen pada 2003.

Beliau berkata, jambatan kedua itu merencanakan pertumbuhan ekonomi di antara Batu Maung di bahagian pulau dan pembangunan Bandar Cassia di Batu Kawan sebagai zon perindustrian baharu.

Selain Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Bandar Cassia, Pulau Pinang turut menerima banyak manfaat di bawah pentadbiran Allahyarham, antaranya pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dengan peruntukan RM1 bilion.

Manfaat lain di bawah pentadbiran Perdana Menteri kelima itu ialah pembangunan Penang Sentral dengan peruntukan RM2.7 bilion, Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth dan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER).